

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : Bertulis
- DARIPADA** : Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
- SOALAN** : Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan** strategi-strategi yang dirangka bagi mengurangkan kadar import makanan ke negara ini dan menuju ke arah sara diri penuh.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Strategi-strategi yang dirangka dan dilaksanakan Kementerian bagi mengurangkan kadar import makanan dan menuju ke arah sara diri penuh adalah dengan meningkatkan pengeluaran dan pada masa yang sama membangunkan penggantian import dan industri yang menggunakan input barangan import yang rendah.

Di bawah strategi ini Kementerian telah dan akan melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

- a. Meningkatkan pengeluaran makanan melalui:
 - i) Pelaksanaan Projek Berimpak Besar seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* (EPP) di bawah NKEA Pertanian;

- ii) Pembangunan empat (4) kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baru. Dengan pembangunan kawasan-kawasan ini, pengeluaran padi negara akan dapat ditingkatkan, kadar import dapat dikurangkan dan tahap sara diri (SSL) dapat ditingkatkan; dan
 - iii) Penumpuan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada peningkatan pengeluaran hasil secara mampan. Antara bidang tumpuan R&D meliputi pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan, bioteknologi, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau.
- b. Melaksanakan langkah penggantian import melalui:
- i) Menghasilkan tanaman alternatif tempatan di mana pelaburan dan dasar akan digerakkan bagi meningkatkan pengeluaran produk domestik untuk menghasilkan produk tersebut. Kementerian melalui DOA telah melaksanakan projek perintis penanaman jagung bijirin di Pusat Pertanian Titi Gantung, Perak seluas 7 hektar. Di samping itu, penanaman jagung bijirin di Pusat Pertanian Ajil, Terengganu di kawasan seluas 1.8 hektar telah pun dituai pada 4 Mei 2016 yang lalu. Dalam pada itu, Syarikat Grain World Genetics Sdn. Bhd. (GWG) juga telah melaksanakan penanaman perintis jagung bijirin di kawasan-kawasan seperti berikut:
 - (a) TKPM Rhu Tapai, Terengganu – 20 hektar;
 - (b) Chuping, Perlis – 50 hektar; dan
 - (c) NATC Bukit Tangga, Kedah – 50 ekar (bagi tujuan pengeluaran biji benih)
 - ii) Pembangunan tanah terbiar yang ketika ini dianggarkan berjumlah 120,000 hektar untuk aktiviti pertanian gantian import; dan

- iii) Membangun dan menyokong industri *niche* yang menggunakan kandungan import yang minimal seperti sayuran organik yang menggunakan baja organik.
- c. Lain-lain tindakan mengurangkan kebergantungan import seperti:
- i) Melaksanakan pemutuan sebenar padi bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti padi dan beras yang dihasilkan;
 - ii) Penggunaan teknologi dan mekanisasi bagi mengurangkan kehilangan lepas tuai produk-produk pertanian seperti padi, buah-buahan dan sayur-sayuran. Langkah ini didapati mampu mengurangkan kehilangan lepas tuai daripada lebih 30% kepada kurang daripada 15% hasil ladang; dan
 - iii) Kebarangkalian untuk mewujudkan kontrak jangka masa panjang bagi input pertanian yang diimport (i.e.: jagung bijirin untuk makanan ternakan) untuk menjamin bekalan dan menstabilkan harga.

Kementerian mengambil maklum bahawa sesetengah produk tidak akan dapat digantikan dan import akan tetap diteruskan. Namun demikian, kebergantungan import daripada negara tradisional dan sumber yang mahal akan dikurangkan. Kementerian juga akan mempelbagaikan sumber import daripada negara-negara baru yang boleh membekalkan barang tersebut dengan harga yang lebih murah.

Buat masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menetapkan sara diri penuh bagi setiap komoditi agromakanan disebabkan oleh faktor ekonomi dan guna tanah serta kemudahan/fasiliti yang terhad. Namun demikian, beberapa komoditi agromakanan telah pun atau hampir mencapai sara diri penuh bagi tahun 2015 adalah seperti ayam (104.6%), telur (122.1%), ikan (92.6%) dan sayur-sayuran (90.7%).